



## PETIKAN TITAH



Maka sehubungan itu, setiap penjawat awam hendaklah sentiasa peka dengan perubahan semasa, disamping tidak lupa mengharapkan petunjuk Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam masa melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab.

Juga perlu dimiliki ialah idea-idea baru sebagai penambahbaikan proses kerja, peraturan, system penyampaian dan penghasilan.

Begitu juga dalam kepimpinan, setiap pemimpin dikehendaki bijak dalam mempelopori potensi kerja, khasnya potensi teknologi digital, sebagai asas kepada transformasi perkhidmatan yang berimpak besar.

Mengenai transformasi perkhidmatan, Beta telah memperkenankan bagi peralihan sebahagian besar proses pengambilan tenaga kerja daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ke Kementerian-Kementerian, khusus bagi Bahagian dua ke bawah. Disamping untuk meningkatkan akauntabiliti, ia juga untuk mempercepatkan lagi pengisian kekosongan jawatan dengan memanfaatkan sepenuhnya *Public Service Recruitment System* atau PSCR yang sedia ada.

Beta juga ingin menekankan soal integriti perkhidmatan awam. Ia tidak boleh roboh, tetapi mesti sentiasa teguh. Kerana jika integriti roboh, maka pelbagai perkara negatif pasti akan berlaku, seperti penyelewengan untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya, sedangkan yang kita mahu ialah sebuah perkhidmatan awam yang bersih, amanah dan berkesan.

Maka ke arah itu, satu pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Am atau 'General Orders' telahpun dilaksanakan dan akan dikuatkuasakan sedikit masa lagi. Pindaan ini dibuat adalah sesuai dengan keperluan semasa sambil terus menekankan aspek kesaksamaan dan ketelusan dalam semua tindakan.

Semua ini turut berkaitan dengan urustadbir perkhidmatan awam sendiri.

Juga turut penting ialah, Kementerian dikehendaki untuk memperinci penyediaan pelan masing-masing, sebagai dokongan kepada kajian mengoptimakan Sumber Manusia atau *Manpower Optimisation Plan*, yang diterajui bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ketika ini.

### TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam KE-30 TAHUN 2023



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

## **PROGRAM TEGAS WALKATON ANJURAN WISE & WELL (TEGAS) SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2023**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Rabiulawal 1445/1 Oktober 2023-** Kumpulan Wise & Well (TEGAS) dari Fakulti Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam di bawah Special Study Module 3 (SSM3), kursus perubatan telah mengadakan Program TEGAS Walkaton hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2023 yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas (Eko-Koridor), Bandar Seri Begawan.

Program ini juga dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayan, Belia dan Sukan (KKBS) dan turut dijayakan oleh para sukarelawan khususnya penuntut-penuntut dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan program tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program dimulakan dengan senamrobik bagi aktiviti pemanasan badan yang dikendalikan oleh Mohammad Nabil bin Abdul Malik, Penolong Jurulatih Karate, Jabatan Belia dan Sukan. Seterusnya para peserta berlepas bagi aktiviti walkaton sejauh satu perpuluhan empat kilometer (1.4km) yang turut disertai oleh lebih dari 300 orang.

Orang ramai juga berpeluang menyaksikan aktiviti-aktiviti sampingan seperti "Educational Booth" oleh beberapa kumpulan mahasiswa dan mahasiswi Institut Sains Kesihatan PAPRSB; aktiviti keusahawanan daripada klien Jabatan Pembangunan Masyarakat, persembahan aktiviti fizikal dan pameran hasil kraftangan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) seluruh daerah dan cabutan bertuah.



TEGAS Walkton adalah singkatan Towards Energising and Guiding the Aged Societ yang mana objektifnya adalah untuk memberikan kesedaran dan menggalakkan warga emas melakukan senaman ke arah kehidupan penuaan yang sihat. Program ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran belia untuk sama-sama memeduli kebajikan dan penjagaan warga emas.

Turut hadir ialah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Yang Mulia Pg Haji Mohd Hasnan bin Pg Hj Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Yang Mulia Pg Dr Md Iskandar bin Pg Hj Petra, Penolong Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam dan Yang Mulia Dr Hjh Fazean Irdayati Idris, Ketua Program Kursus Perubatan, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

## **MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM TAHUN 1445H/2023M**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Rabiulawal 1445 / 2 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperingati dan menyemarakkan lagi hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Hasanuddin bin Pengiran Haji Tejudin, Penyelidik dan Penterjemah Khusus (Bahasa Arab), Pusat Sejarah Brunei diikuti dengan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an (Surah Ali-Imran, Ayat 133-148) oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd. Khairul Zaman bin Haji Mohd. Salleh, Pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Bacaan Sari Tilawah Al-Qur'an dibaca oleh Yang Mulia Awang Muhd Kahiri bin Abdullah, Pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Majlis seterusnya diserikan lagi dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Syarafil Anam dan diakhiri dengan Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar ber-ramai-ramai.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian ini bagi sama-sama menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam serta memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini.



Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan); Yang Mulia Dr Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kesukunan); Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kaitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

## **SESI KEEMPAT FORUM KESIHATAN DAN PAMERAN “KESIHATAN BUAH PINGGANG UNTUK SEMUA” SEMPENA HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA TAHUN 2023**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Rabiulawal 1445 / 05 Oktober 2023** – Kementerian Kesihatan mengadakan Sesi Keempat Taklimat Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan ini adalah salah satu acara kesinambungan dari Jerayawara “Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua” sempena Hari Buah Pinggang Sedunia tahun 2023. Acara ini mengambil tempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Emmarul bin Haji Azamain, Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Abdul Mu'iz bin Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Perkhidmatan Renal. Forum Kesihatan ini disampaikan oleh 3 orang ahli panel iaitu Yang Mulia Dr Lim Yee Yin, Pakar Bersekutu, Jabatan Perkhidmatan Renal; Yang Mulia Awang Mohd Jafni bin Hj Mohd Hussain, Pesakit Renal dan Yang Mulia Maswinda Sari binti Haji Zainal, Jururawat Renal.

Taklimat ini dihadiri oleh seramai 200 orang pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Taklimat dan jerayawara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang serta masalah yang berkaitan dengannya. Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan juga berhasrat untuk mengadakan sesi taklimat yang terakhir untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama pada bulan November yang akan datang.

## TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2023



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Rabiulawal 1445 / 5 Oktober 2023** - Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas pada tahun ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir ke Kubah Makam Diraja, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu dan ketua-ketua kampung, ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas di seluruh daerah; Pertubuhan Wargamas; persatuan-persatuan bukan Kerajaan dan rakan-rakan strategik KKBS. Bacaan Surah Yasiin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Imam Haji Hamaffi bin Mohd Yassin, Pengurus Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong.

Seterusnya, rombongan beredar ke Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampong Tamoi untuk acara Doa Kesyukuran. Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Asar berjemaah dan diteruskan dengan Bacaan Ratib Al-Attas, Doa Kesyukuran, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Doa Menghindar dari Wabak COVID-19 yang dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Faizal Bin Janif, Pegawai Hal Ehwal Masjid. Seramai lebih kurang 180 orang telah hadir bagi meramaikan acara di masjid.

Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas adalah bagi memberi penghormatan dan penghargaan kepada warga emas yang telah menyumbang kepada pembangunan negara serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan ikatan kekeluargaan, penjagaan, perlindungan dan kemudahan berkaitan ke arah peningkatan kualiti hidup warga emas.

## MAJLIS DOA KESYUKURAN DAN BERDIKIR BAGI MERAIKAN PENGISLAMAN SAUDARA BAHARU



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Rabiulawal 1445 / 7 Oktober 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Berdikir bagi meraikan saudara baharu – Frederick Henry Doughty iaitu Penjaga Bangunan di Stadium Hassanil Bolkiah. Majlis ini berlangsung di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menghadiri majlis ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, Doa Kesyukuran dan seterusnya Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara. Majlis diserikan lagi dengan Laungan Dikir Marhaban dan taburan bunga rampai oleh Yang Berhormat Dato, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan penyerahan cenderahati oleh Yang Berhormat Dato kepada saudara baharu yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diakhiri dengan Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar berramai-ramai.

Frederick Henry Doughty telah memilih nama islam beliau sebagai Yang Mulia Md Fareed Doughty bin Abdullah.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua dan Timbalan Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian ini.

## UPACARA MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN BRUNEI DARUSSALAM DARI SUKAN ASIAN KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA



**BERAKAS, Ahad, 22 Rabiulawal 1445/ 8 Oktober 2023** – Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Pasukan Karate telah kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Sukan Asia (Asian Games 2023) Ke-19 di Hangzhou, China.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pasukan Karate Negara berjaya menyumbang 1 pingat gangsa bersama melalui Yang Mulia Farhah Syahirah binti Mohd Shamrin, Yang Mulia Rodyatul Adhwanna binti Bakar dan Yang Mulia Farhana Najeha binti Abdul Rahman bagi acara Women's Team Kata.



## **MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT JAWATANKUASA ASEAN KE-58 MENGENAI KEBUDAYAAN DAN PENERANGAN (ASEAN-COPI KE-58)**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Rabiulawal 1445 / 11 Oktober 2023** – Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI ke-58) yang bermula pada 9 hingga 12 Oktober 2023 di Rizqun International Hotel, Gadong. Mesyuarat ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Penerangan, Pejabat Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN ke-58 mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COPI ke-58) ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan ASEAN Anthem dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah, Doa Selamat dan seterusnya Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara di baca oleh Yang Mulia Awang Haji Muhd Azrol Alim bin Haji Zaini, Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei Muara.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan dari Yang Mulia Dr Dayang Siti Norkhalbi bin Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengurus Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN ke-58 mengenai Kebudayaan dan Maklumat (ASEAN-COPI ke-58).

Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan dan perasmian mesyuarat oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut dihadiri oleh Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi negara-negara ASEAN dan Timor Leste di Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Delegasi dan delegasi dari negara-negara ahli ASEAN dan Timor Leste, Sekretariat ASEAN serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## MAJLIS PERASMIAN ARCA ASEAN, LALUAN ASEAN DAN PELANCARAN PROJEK ASEAN WALK DI TAMAN PERSIARAN DAMUAN



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Rabiulawal 1445 / 12 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Perasmian Arca ASEAN, iaitu Laluan ASEAN dan Pelancaran Projek ASEAN Walk. Majlis berkenaan diadakan di Taman Persiaran Damuan, Bandar Seri Begawan, dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan turut dihadiri oleh Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi negara-negara ASEAN dan Timor Leste di Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua delegasi dan delegasi dari negara-negara ahli ASEAN dan Timor Leste, Sekretariat ASEAN serta para pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Projek Taman Arca ASEAN, sebuah projek di bawah Jawatankuasa Kecil Kebudayaan, ASEAN-COCI Brunei Darussalam, dan projek ASEAN Walk adalah antara Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) deliverables semasa Negara Brunei Darussalam mempengerusi ASEAN pada tahun 2021.





Projek Arca ASEAN ini merupakan kesinambungan projek Arca ASEAN pada tahun 1986 yang menempatkan enam (6) buah arca dari negara-negara ASEAN pada waktu itu, iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand; dan kini penambahan sebanyak empat (4) buah arca dari Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam. Dengan penambahan tersebut, Negara Brunei Darussalam kini menjadi ahli ASEAN pertama yang mempunyai arca ASEAN yang lengkap, dengan Taman Arca ini juga dinamakan semula sebagai Laluan ASEAN (ASEAN Walk).

Selaras ini, projek ASEAN Walk dilambangkan dengan sesi berjalan kaki menyusuri di sepanjang Taman Arca atau Laluan ASEAN, yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Projek ASEAN Walk telah diterajui oleh para belia, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai ASEAN dan untuk menggalakkan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat. Projek ini juga dihasratkan untuk menyerlahkan hasil pencapaian melalui kerjasama dan sumbangan kepada masyarakat dan rakyat di kesemua negara-negara ahli ASEAN. Pelancaran projek ini akan diikuti dengan sesi berjalan kaki yang sama, yang akan diteruskan ke negara-negara ASEAN yang lain.



***REFRESHER'S COURSE BAGI  
PEGAWAI TEKNIKAL DAN PENYAMPAIKAN SIJIL  
LIGA SUPER SEPAK TAKRAW TAIB 2023***



**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Rabiulawal 1445 / 13 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTABARU) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama liga telah mengendalikan *Refresher's Course* bagi Pegawai Teknikal dan penyampaian sijil untuk Liga Super Sepak Takraw TAIB 2023 bertempat di Dewan Taklimat, Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. *Refresher's Course* ini dihadiri oleh seramai 17 orang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta-peserta ialah Yang Mulia Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas, Presiden Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTABARU).

*Refresher's Course* bagi Pegawai Teknikal ini merupakan persiapan jawatankuasa perlawanan yang akan bermula pada hari Ahad 15 Oktober 2023 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dan akan diteruskan pada setiap hari Ahad di Kompleks Sukan Sungai Kebun hingga hari Ahad 26 November 2023.



# LIGA SUPER SEPAK TAKRAW TAIB TERBUKA 2023



## BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Rabiulawal 1445 / 15 Oktober 2023 –

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) akan menganjurkan kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka (LST) 2023 yang bermula pada 15 Oktober hingga 19 November 2023. Penaja Utama bagi kejohanan Liga ini ialah dari Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan LST ini telah diadakan pada 15 Oktober 2023 ber-

mula pada pukul 2.30 petang yang akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Awang Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara akan diselajurkan dengan perlawanan pertama Kejohanan LST pada hari tersebut.

Perlwanan LST seterusnya akan diadakan pada setiap hari Ahad, bermula pada 22hb hingga 19 November 2023 bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun. Manakala Majlis Penutup serta Penyampaian Hadiah akan diadakan pada hari Ahad, 19 November 2023 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Juara bagi kejohanan Liga ini akan menerima Wang Tunai sebanyak \$5,000.00 dan pingat serta Piala Pusingan, Naib Juara akan menerima Wang Tunai sebanyak \$3,000.00 dan pingat manakala tempat ketiga bersama akan menerima Wang Tunai sebanyak \$1,000.00 dan pingat.

Dalam kesempatan ini, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Majlis Pembukaan, perlwanan-perlwanaan serta Majlis Penyampaian Hadiah pada hari berkenaan bagi sama-sama meriahkan dan memberi sokongan Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka (LST) 2023, masuk adalah percuma.



**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA  
SYARIKAT JAB GYM SDN.BHD, HH DYNAMIC SPORTS HUB DAN  
SHELL PETROLEUM (BSP) COMPANY SDN.BHD BAGI TAJAAN UNTUK  
PROGRAM ELIT KECEMERLANGAN**



**BERAKAS, Isnin, 01 Rabiulakhir 1445 / 16 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada tiga (3) buah syarikat yang menaja program Elit Kecemerlangan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Haji Awang Nazmi Bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal Bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap [Kesukanan] selaku pengurus majlis dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan.

Penyerahan sijil penghargaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada syarikat

**JAB GYM Sdn Bhd** atas sumbangan tajaan perkhidmatan *strength and conditioning* bagi membantu dalam pembangunan atlet.

**HH Dynamic Sports Hub** sumbangan tajaan sajian makanan bagi membantu dalam pembangunan Atlet Elit Podium di bawah program pembiayaan atlet

**Brunei Shell Petroleum (BSP) Company Sdn Bhd** sumbangan tajaan wang tunai bagi membantu dalam pemantauan dan pembangunan Atlet Elit Podium di bawah program pembiayaan atlet.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah setiausaha -setiausaha tetap, timbalan setiausaha tetap, kementerian kebudayaan, belia dan sukan, atlet-atlet elit, jurulatih-jurulatih sukan dan perwakilan daripada persatuan-persatuan sukan kebangsaan termasuk atlet-atlet daripada sukan renggang, wushu, silat, olahraga dan karate.



## BUAL BICARA KESEDARAN DEMENSTIA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 03 Rabiulakhir 1445 / 18 Oktober 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengendalikan Bual Bicara Kesedaran Demensia bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang diadakan di Dewan Teater PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium.

Penyampai yang dijemput bagi sesi bual bicara ini ialah Yang Mulia Dayang Irnawati binti Haji Mahir, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Timbalan Presiden Demensia Brunei.

Antara objektif program ini dijalankan adalah untuk memupuk kesedaran dan kepentingan memahami penyakit demensia dengan lebih mendalam bagi memastikan kesejahteraan penderita penyakit ini khususnya warga emas. Melalui program ini juga dikongsikan maklumat dan trend diagnosis demensia dalam kalangan masyarakat di negara ini khususnya bagi warga kerja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## **MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN DI GAZA 2023**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Rabiulakhir 1445 / 18 Oktober 2023 –** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan "Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023" dan seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Palestin di Gaza 2023 telah diadakan pada hari ini yang merupakan salah satu usaha untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai bagi menghulurkan derma kepada tabung berkenaan yang diungkayahkan bersama Datastream Digital (DST) Sendirian Berhad, Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad. Tempoh kutipan SMS akan berlangsung selama tiga (3) bulan bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024.

Acara pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada DST Sdn Bhd, Progresif Sdn Bhd dan Imagine Sdn. Bhd termasuk wakil-wakil dari sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

Penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam bagi membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza, berikutan pertempuran yang berlarutan sejak 7 Oktober 2023. Mangsa-mangsa serangan Israel dan jumlah korban serta kecederaan meningkat di kalangan rakyat Palestin dan menyebabkan mangsa-mangsa sangat memerlukan bantuan.

Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah bersidang pagi tadi di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang telah membincangkan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan usaha bagi mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan tatacara untuk menghulurkan derma tersebut melalui saluran yang rasmi dan secara pendekatan senegara.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Awang Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan sektor swasta.

Hadir selaku Penasihat-Penasihat Bersama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat Jawatankuasa tersebut telah menetapkan tempoh kutipan derma akan diadakan selama tiga (3) bulan iaitu mulai hari ini, 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024. Penetapan tempoh tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100%) disumbangkan kepada tabung berkenaan. Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja dari hasil kutipan bersih yang diperolehi dari mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga akan disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara. Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.



# **MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024**



**BERAKAS, Khamis, 4 Rabiulakhir 1445/19 Oktober 2023** – Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengiran Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan wakil-wakil Pengerusi Bersama.

Agenda Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 kali ini memfokuskan kepada laporan-laporan perkembangan dan cadangan-cadangan mengenai persiapan yang sedang giat dilaksanakan, cadangan tarikh dan tempat, cadangan logo dan tema, dan tarikh-tarikh raptai bagi Upacara dan Acara Utama sambutan.

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan tatacara pelaksanaan dan jumlah keramaian bagi Upacara Perhimpunan Agung, Majlis Doa Kesukuran, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan, Majlis Khatam 40 kali, dan acara-acara sampingan yang lain.

Turut sama hadir di Mesyuarat ini ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Setiausaha Tetap - Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-40, 2024.



## **MAJLIS PELANCARAN BUKU TARSILAH BRUNEI: PERALIHAN KE ARAH BRUNEI MODEN (TAHUN 1828-1924 MASIHI) JILID IV**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Rabiulakhir 1445/19 Oktober 2023** - Pusat Sejarah Brunei telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Tarsilah Brunei: Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV hasil penulisan Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, mantan Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dalam majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian resensi buku oleh Yang Mulia Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail.

Buku tersebut adalah kesinambungan daripada buku Tarsilah Brunei Jilid I, II dan III yang masing-masing diterbitkan pada tahun 1990, 1997 dan 2019.

Kandungan buku ini membincangkan mengenai sejarah Sultan 'Omar 'Ali Saifuddien II (Sultan Brunei ke-23); Sultan Abdul Momin (Sultan Brunei ke-24); Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (Sultan Brunei ke-25) dan Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II (Sultan Brunei ke-26).

Objektif penerbitan buku Tarsilah Brunei: Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV antara lain ialah:

- Penerbitan buku ini mengambil suku 56 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama mementingkan keperluan mempelajari sejarah Islam bagi generasi masa kini dan akan datang.
- Menyebarluaskan peranan dan fungsi Pusat Sejarah Brunei sebagai institusi penerbitan sejarah dan Kesultanan Brunei selaras dengan Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei.
- Memperkaya sumber dan maklumat berharga kepada warga Brunei bagi sama-sama menanai dan memajukan tanah air dalam semua bidang.
- Menarik minat orang ramai khususnya golongan belia, para akademik, penyelidik dan pencinta sejarah untuk sama-sama mempelajari, mengetahui dan memahami sejarah tanah air.
- Sebagai sumber inspirasi dalam merancang pembangunan masa depan negara.
- Memberi kesedaran kepada orang ramai agar lebih peka akan peranan sejarah dalam pembangunan negara.



## UPACARA PENYERAHAN BENDERA DAN SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINGEN NBD 4TH ASIAN PARA GAMES 2022, HANGZHOU, CHINA



**BERAKAS, Khamis, 4 Rabiulakhir 1445 / 19hb Oktober 2023** – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontingen sukan bagi menyertai 4th Asian Para Games 2022, Hangzhou, China yang akan diadakan secara rasminya bermula 22 hingga 28 Oktober 2023.

Kontingen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 4 orang terdiri daripada seorang (1) Urus Setia, (1) seorang Jurulatih dan (1) seorang atlet iaitu Awang Shari bin Haji Juma'at, yang akan menyertai Sukan Para Olahraga (dalam acara Shotput F55, Discus Throw F54/55/56, Javelin F55) dan diketuai oleh seorang (1) Chef de Mission.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafur, Chef de Mission.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap(Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Belia dan Sukan.

Pada tahun ini, pihak penganjur Asian Para Games telah melaksanakan sistem baru pemilihan dengan menetapkan bahawa acara sukan Para Athletics hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan berdasarkan Minimum Qualifying Standard (MQS) bagi setiap acara yang disertai seperti aktif menyertai kejohanan jemputan anjuran International Paralympic Committee (IPC), dalam mana hasil ujian kelayakan berkenaan, hanya seorang daripada empat (4) atlet negara ini yang layak disokong untuk menyertai kejohanan berkenaan.

Pada 4th Asian Para Games kali ini, ianya merupakan penyertaan Negara Brunei Darussalam kali ke- 4 ke kejohanan tersebut.

## PERASMIAN FESTIVAL KULINARI, KEBUDAYAAN TURKIYE



**GADONG, Jumaat, 5 Rabiulakhir 1445 / 20 Oktober 2023** - Kedutaan Republik Turkiye di Negara Brunei Darussalam, hari ini, melancarkan Festival Kulinari dan Kebudayaan Turkiye yang akan berlangsung pada 25 hingga 29 Oktober 2023 bertempat di Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa Majlis Pelancaran Festival tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfah.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dalam ucapannya menjelaskan bahawa keutamaan 'dapur' menjadi medium diplomasi budaya.

Menurut Tuan Yang Terutama lagi, istilah 'gastro-culture', 'gastro-tourism' dan 'gastro-diplomacy' menandakan kepentingan 'dapur' bagi diplomasi, pelancongan, negara, identiti dan banyak lagi.

Festival akan menawarkan para pengunjung dengan pelbagai jenis masakan Turkiye, di samping memperkenalkan budaya dan sejarah Turkiye serta tempat-tempat pelancongan menarik yang terdapat di negara tersebut.

Selain daripada masakan Turkiye yang terkenal dan digemari, ahli kaligrafi terkenal iaitu Seyit Ahmet Depeler dan Abdurrahim Kahya juga akan membuat persembahan kaligrafi secara langsung semasa festival tersebut.

Para pengunjung juga akan dapat menikmati hiburan pemuzik Turkiye dari Istanbul yang di persembahkan oleh Enes Metehan Sahin bermain Oud (Gambus) dan Özgür Ahmet Sarman memainkan Qanun Turkiye, instrumen muzik seni yang terkenal dengan keunikannya serta bunyi melodromatik di samping Persembahan Choirmaster daripada Suat Kılıç.

## EKSPO KERJAYA 2023 TAWAR PELBAGAI PELUANG PEKERJAAN



**SALAMBIGAR, Jumaat, 5 Rabiulakhir 1445 / 20 Oktober 2023** - Lebih 50 buah syarikat swasta daripada pelbagai sektor mengambil bahagian dalam Ekspo Kerjaya 2023 yang dianjurkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berlangsung di OneCity Shopping Centre, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Ekspo Kerjaya 2023 ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, yang juga merupakan Ahli MPEC.

Setiausaha Tetap (Wawasan) di JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad juga selaku Penggerusi Majlis, mengongsikan bahawa Sekretariat Tetap MPEC melalui JobCentre Brunei (JCB) telah melaksanakan beberapa inisiatif dan program untuk memudahkan pasaran kerja yang inklusif dan progresif, membantu pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan serta membolehkan syarikat-syarikat untuk mengakses tenaga kerja yang diperlukan untuk pembangunan masing-masing.

Antara lain inisiatif yang dijalankan termasuk program 'outreach', penyediaan perkhidmatan JCB di daerah-daerah, perkhidmatan 'job-matching' dan 'recruitment drive'.

Pengiran Hajah Siti Nirmala menambah bahawa Ekspo Kerjaya 2023 ini menawarkan lebih daripada 1,000 peluang pekerjaan bagi anak tempatan, termasuk 66 jawatan yang dibuka khusus bagi golongan orang yang berkelainan upaya.

Para pencari kerja tempatan kini berpeluang berinteraksi dengan pelbagai agensi swasta yang terlibat semasa berlangsungnya ekspo berkenaan.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan melawat pameran-pameran daripada pelbagai agensi yang terlibat.

## FESTIVAL KEBUDAYAAN JEPUN 2023 BUKA TIRAI



**BERAKAS, Sabtu, 6 Rabiulakhir 1445 / 21 Oktober 2023** - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Festival Kebudayaan Jepun 2023 bermula hari ini dan 22 Oktober 2023 di Times Square Shopping Centre, Berakas.

Dalam ucapan alu-aluan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Maeda Toru menjelaskan bahawa 'Nihongo Partners', iaitu sekumpulan dari Jepun di mana mereka akan melawat NBD selama 10 hari sekali gus juga akan mempersembahkan Tarian Tradisional Jepun.

Festival berkenaan dirasmikan bersama oleh TYT Maeda Toru dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.



## KURSUS ASAS KEJURULATIHAN SEPAK TAKRAW 2023



**BANDAR SERI BEGAWAN. Sabtu, 6 Rabiulakhir 1445 / 21 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTABARU) telah mengadakan Kursus Asas Kejurulatihan Sepak Takraw 2023.

Kursus Kejurulatihan Sukan Sepak Takraw 2023 ini disertai oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada jurulatih, pengurus-pengurus pasukan Liga Super Sepak Takraw TAIB 2023, ahli-ahli PESTABARU dan orang-orang persendirian yang berminat.

Kursus ini adalah satu program yang diadakan pada kejohanan Sepak Takraw Terbuka TAIB 2023 yang membuka tirainya pada 15 Oktober 2023 yang diadakan setiap Ahad sehingga 19hb November 2023.

Pemudahcara bagi kursus ini ialah Yang Mulia, Abdul Talib bin Ahmad, Jurulatih Kebangsaan Sepak Takraw.

Antara lain objektif Kursus Asas Kejurulatihan Sukan Sepak Takraw 2023 ini adalah untuk menyumbang dalam Program Jangka Panjang Pembangunan Atlet (LTAD) bagi persiapan negara ke arah penyertaan sukan-sukan serantau dan antarabangsa disamping melahirkan jurulatih-jurulatih yang berpotensi untuk melatih atlet yang berbakat dalam sukan Sepak Takraw.

Kursus diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil-Sijil Penyertaan yang disempurnakan oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat Majlis.



## BENGKEL ADAT ISTIADAT BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

**Bandar Seri Begawan, Rabu, 10 Rabiulakhir 1445 / 25 Oktober 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Adat Istiadat Negara telah mengendalikan Bengkel Adat Istiadat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya (Sesi Kedua) selama dua hari, iaitu pada hari Selasa dan Rabu, 24 & 25 Oktober 2023 di Dewan Teater, Tingkat 2, Bahagian Pemberigaan, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Bengkel ini antara lain termasuklah memberikan pendedahan dan tunjuk ajar serta tatacara penggunaan Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam) yang betul, memberikan tunjuk ajar serta pengetahuan dalam membuat persediaan Susunan Kedudukan dan Protokol mengendalikan majlis-majlis rasmi, terutama yang melibatkan keberangkatan Kerabat Diraja, penyediaan persuratan rasmi, dan sebagainya



## MAJLIS PENGHARGAAN RAKAN-RAKAN STRATEGIK PUSAT PEMBANGUNAN BELIA 2023



**JERUDONG, Rabu, 10 Rabiulakhir 1445 / 25 Oktober 2023** – Sebuah Majlis Penghargaan Rakan-Rakan Strategik Pusat Pembangunan Belia 2023 telah bertempat di Kompleks Sukan Jerudong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis ini merupakan satu inisiatif dari Pusat ini untuk menjemput rakan-rakan strategik yang telah banyak memberi sokongan serta kerjasama dalam apa juga program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Pusat ini ke arah melahirkan modal insan yang dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan belia serta komuniti.

Pihak PPB telah mensasarkan penglibatan sebanyak 40 syarikat yang dijemput pada majlis hari ini terdiri dari syarikat-syarikat dan agensi-agensi yang sangat aktif dalam menjayakan program-program atau kursus-kursus baharu yang berpotensi dan 'marketable', termasuk bekerjasama melaksanakan Program Artisan Skills dengan Pusat-Pusat Belia di keempat-empat daerah, penerimaan latihan industri dan tawaran pekerjaan pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia, dan kerjasama dalam penyediaan platform keusahawanan.

Antara objektif Majlis Penghargaan Rakan-Rakan Strategik PPB 2023 adalah:

- 1) Meraikan dan memberikan tanda penghargaan kepada rakan-rakan industri PPB sama ada dari sektor awam maupun swasta atas kerjasama dan sokongan kepada lepasan pelatih PPB;
- 2) Memberi peluang untuk pihak PPB memahami pasaran industri serta bertukar-tukar pandangan dan berkongsi percambahan idea mengenai projek atau apa jua kerjasama strategik yang dapat difikirkan;
- 3) Menjalin kerjasama antara PPB dan rakan strategik khasnya dalam memberikan peluang pekerjaan maupun keusahawanan bagi para belia dan komuniti; dan
- 4) Menjadikan rakan industri sebagai sumber rujukan khasnya bagi menjalankan kursus yang dikenal pasti mempunyai pasaran dan pekerjaan di Negara ini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati penghargaan kepada rakan-rakan strategik Pusat Pembangunan Belia.



## **KEJOHANAN BOLA JARING ANTARAKEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-30, TAHUN 2023**

**BERAKAS, Jumaat, 12 Rabiulakhir 1445 / 27 Oktober 2023** - Kejohanan Bola Jaring antara Kementerian-Kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam ke 30, tahun 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejohanan Bola Jaring antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (Brunei Netball Association - BNA).

Sebanyak 11 Kementerian telah menyertai kejohanan ini dalam kategori Terbuka dan Veteran. Kejohanan ini bermula 27 Oktober hingga 05 November 2023.



## PERASMIAN PERSIDANGAN SERANTAU ASIA PASIFIK ANTARABANGSA PENYAKIT ALZHEIMER 2023



**BERAKAS, Jumaat, 12 Rabiulakhir 1445 / 27 Oktober 2023** - Dengan kerjasama demensia Brunei (dB), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta disokong oleh Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Persidangan Serantau Asia Pasifik Antarabangsa Penyakit Alzheimer (ADI) 2023 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Persidangan akan diadakan selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Oktober 2023.

Hadir selaku kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan persidangan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sementara itu, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dalam ucaptamanya, mengongsikan dua keutamaan strategik dalam rangka kerja iaitu pertama ialah 'Membina Keluarga yang Lebih Kuat dan Berdaya Tahan sebagai asas Ekonomi Penjagaan' dan kedua, 'Meningkatkan Perlindungan Sosial, Tanpa Meninggalkan Sesiapa'.

Menurutnya, ia amat penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), menyokong institusi keluarga yang kukuh sebagai penyedia penjagaan utama untuk ahli mereka yang terdedah.

Terdahulu tambahnya, untuk terus menjaga kesihatan dan kebajikan warga emas, Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Warga Emas baru ditubuhkan bersama Kementerian Kesihatan dan KKBS di mana pelan baharu itu tertumpu kepada pendekatan strategik untuk penuaan yang berjaya, dengan melihat kepada konsep holistik untuk meningkatkan fungsi fizikal, psikologi dan sosial warga emas serta memberi penekanan yang sama pada penuaan yang sihat, aktif serta produktif.

"Bagaimanapun, NBD merupakan sebuah negara yang mempunyai nilai kekeluargaan yang kukuh, dan kami menyedari betapa pentingnya institusi kekeluargaan mengambil peranan utama dalam menjaga warga emas, agar mereka akan terus dijaga dan tidak ketinggalan.



"Sebagai unit asas masyarakat, peranan yang dimainkan oleh institusi keluarga yang kukuh dan harmoni adalah penting dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai Kualiti Hidup yang Tinggi," ujarnya.

NBD telah dipilih sebagai penganjur persidangan pada tahun ini dan lebih 350 peserta dari luar dan dalam negara dijangka akan menghadiri persidangan tersebut.

Praktikal penjagaan, teknik terapi dan bengkel mengenai Demensia juga akan turut diadakan semasa persidangan itu nanti. Lebih dari 40 penyertaan daripada 13 buah negara (seperti Malaysia, Taiwan, Jepun, Australia dan sebagainya) akan menyertai persidangan itu.

Persidangan tersebut bertujuan bagi memberikan dan berkongsi maklumat yang terkini, inovatif dan pelbagai melalui rangkaian global daripada individu pelbagai latar belakang dan kepakaran sekali gus dapat menjalin hubungan antara para peserta dalam negara malahan pada tahap global.

Selain itu, ia juga bertujuan memberi peluang para penyelidik, ahli sains dan kesihatan, penghidap Demensia, penjaga dan sukarelawan yang mempunyai minat mengenai isu Demensia dan cara penjagaan.



## HARI SUKAN ASEAN 2023



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad 14 Rabiulakhir 1445 / 29 Oktober 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kedutaan ASEAN di Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Hari Sukan ASEAN 2023 sempena sambutan Hari ASEAN yang ke 56 tahun, bertempat di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Hari Sukan ASEAN 2023 ini merupakan komitmen semua negara-negara ahli ASEAN yang telah dipersetujui semasa Senior Official Meeting on Sports (SOMS) yang telah diadakan pada bulan November 2018 di Myanmar.



Hari Sukan ASEAN diraikan setiap 8 Ogos dengan tujuan untuk mengeratkan persahabatan dan memupuk perpaduan, persahaman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat ASEAN.



Hadir selaku Tetamu Kehormat pada acara ASEAN SPORTS DAY 2023 ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir pada Hari Sukan ASEAN 2023 ini adalah Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi daripada negara ASEAN, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian-Kementerian di Negara Brunei Darussalam.



Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan dan diikuti dengan acara walkaton beramai ramai yang disertai oleh Tetamu Kehormat. Di Hari Sukan ASEAN 2023 pada kali ini beberapa acara lain juga disediakan seperti pameran dan pertunjukan permainan tradisi negara-negara ASEAN.

Penyertaan acara Hari Sukan ASEAN 2023 ini dibukakan kepada semua warga, komuniti ASEAN dan orang ramai secara percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Hari Sukan ASEAN 2023 ini diadakan buat kali kedua, kali pertama ianya diadakan pada tahun 2019 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Berakas.





## UPACARA MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN BRUNEI DARUSSALAM DARI SUKAN PARA ASIA KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA



**BERAKAS, Ahad, 14 Rabiulakhir 1445 / 29 Oktober 2023** – Kontinjen Negara Brunei Darussalam, terdiri daripada seorang (1) Chef de Mission, seorang (1) atlet para, seorang (1) jurulatih, dan seorang (1) pegawai tadbir, telah kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Sukan Para Asia 2022 di Hangzhou, Republik Rakyat China.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) serta pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Atlet tunggal negara, Yang Mulia Awang Shari bin Haji Juma'at, menyertai tiga (3) acara sukan iaitu Discus F54/55/56, Shotput F55, dan Javelin F55.

Ini merupakan kali keempat menyertai Sukan Para Asia.

# **PERTANDINGAN KUIZ SEJARAH PIALA PEHIN JAWATAN DALAM KALI KE-3, TAHUN 2023, PERINGKAT AKHIR**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Rabiulakhir 1445 / 30 Oktober 2023** - Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei telah mengadakan Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-3 Tahun 2023, Peringkat Akhir membawa tema "Sejarah Pengukuh Jati Diri Bangsa" yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai lapan orang pelajar dari empat buah sekolah menengah berentap di Peringkat Akhir ini iaitu

- 1) Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong
- 2) Sekolah Ma'had Islam Brunei
- 3) Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab
- 4) Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait.

Setiap sekolah diwakili oleh dua orang pelajar.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.





Pertandingan dijuarai oleh **Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong** dengan memperoleh **69 markah** dan menerima wang tunai sebanyak \$1,000, cenderamata, sijil penyertaan dan piala rebutan.

Naib Johan disandang oleh **Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab** dengan memperoleh **65 markah** dan menerima wang tunai sebanyak \$800.00, cenderamata dan sijil penyertaan.

Tempat ketiga ialah **Sekolah Ma'had Islam Brunei** dengan memperoleh **56 markah** dan menerima wang tunai sebanyak \$600.00, cenderamata dan sijil penyertaan.

Tempat keempat pula ialah **Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait** dengan memperoleh **45 markah** dan menerima wang tunai sebanyak \$400.00, cenderamata dan sijil penyertaan.

Objektif pertandingan adalah bagi menggalakkan para pelajar untuk meninati sejarah; mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang sejarah, budaya dan warisan; memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan mempelajari sejarah dan hubungannya kepada pengukuhan jati diri dan pembangunan negara bangsa; menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar sekolah menengah; dan menanamkan perasaan cintakan Raja, Agama, Bangsa dan Negara.





كمترین كيداون بلادن سوکن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# دارجاهایو

Dirgahayu

# 77

21 Rabiulawal 1445H | 7 Oktober 2023M

Sempena Menyambut Puja Usia  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Raja Isteri  
Pengiran Anak Hajah Saleha binti  
Al-Marhum Pengiran Pemancha  
Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Baginda  
dengan 'Inayah serta Perlindungan Allah'"



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[@kkbs\\_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**E-POSTER**  
**SEMPENA MENYAMBUT PUJA USIA**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI**  
**PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BINTI**  
**AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM**



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: Info@kkbs.gov.bn**

**Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**